

sukan

Atlet negara Olahragawan, Olahragawati (Pelajar) UKM

info.

Oleh Nurul
'Aniqah Sazale
bhvarsiti@bh.com.my

► Bangi

Dua atlet negara, Muhammad Ashraf Haiqal Rizal dan Noraidilina Adilla J Sam masing-masing dinobatkan Olahragawan serta Olahragawati (Pelajar) pada Majlis Anugerah Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-26 di sini, baru-baru ini.

Setiap pemenang terbabit menerima

hadiah wang tunai RM1,000, trofi iringan dan sijil yang disampaikan oleh Naib Canselor universiti itu, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Muhammad Ashraf Haiqal yang sedang mengikuti pengajian tahun dua program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sukan dan Rekreasi) berpengalaman mewakili Malaysia dalam acara pingpong pada temasya Sukan SEA 2015, selain meraih pingat gangsa pada Kejohanan Sukan Universiti Dunia 2015.

Mengulas penganu-



Noraidilina Adilla (kanan) dan Muhammad Ashraf Haiqal ceria dengan anugerah masing-masing.

gerahan itu, beliau berkata, pengiktirafan berkenaan menyemarakkan semangatnya

untuk terus gigih berusaha mencapai kecemerlangan pada sesi pemilihan atlet

negara ke temasya Sukan Olimpik akan datang.

"Saya kini giat menjalani latihan intensif di Majlis Sukan Negara sebanyak enam hari seminggu bagi meningkatkan prestasi menghadapi sesi pemilihan itu," katanya.

Terap budaya sukan

Noraidilina Adilla yang juga pelajar tahun tiga program pengajian sama pula mengharumkan nama UKM dengan meraih pingat emas dan perak dalam acara basikal pada Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016.

Sementara itu, Prof Dr Noor Azlan ketika

berucap pada majlis sama berkata, kejayaan atlet UKM dalam pelbagai kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa membuktikan mereka bukan sekadar jaguh IPT.

"Pencapaian mereka berjaya menerapkan budaya sukan bukan

Anugerah Sukan UKM Ke-26 (Pelajar)

- Anugerah Olahragawan - Muhammad Ashraf Haiqal Rizal (pingpong)
- Anugerah Olahragawati - Noraidilina Adilla J Sam (basikal)
- Anugerah Juara Emas - Too Lap Weng (tae kwan do) dan Poo Soon Cheong (pingpong)
- Anugerah Atlet Cemerlang - Tan Yi Zhi (pingpong) dan Mohd Shafiq Mohd Sharif (kriket)
- Anugerah Bintang Harapan Lelaki - Lee Siow Joe (pingpong)
- Anugerah Bintang Harapan Wanita - Nurul Huda Amirah Mohd Zakari (tenpin bowling)
- Anugerah Pasukan Terbaik - Pasukan bola tampar lelaki
- Anugerah Kelab Terbaik - Kelab Kriket
- Anugerah Atlet Pelajar Antarabangsa Individu - Naveed Aziz Khan (bola tampar pantai)
- Anugerah Sukan Pelajar Antarabangsa Berpasukan - Pasukan bola tampar pantai



Kehadiran pasukan bola sepak UKM FC turut memeriahkan majlis.

sahaja dalam kalangan atlet tetapi juga kakitangan universiti," katanya.

Pada majlis itu, seramai 37 atlet UKM terpilih menerima Biasiswa Sukan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan atas kecemerlangan mereka dalam bidang sukan dan akademik.